

21/01/2005

Kerajaan kekal tambatan ringgit

By Kadir Dikoh; Fazli Abdullah; Shamsul Azree Shamshir

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata tambatan ringgit akan hanya dikaji semula apabila keadaan memerlukan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan bagaimanapun berkata, kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk mengubah tambatan itu.

"Namun, kita sepakat untuk terus memantau keadaan yang ada sekarang, keadaan kewangan dan kadar tukaran, yang perlu kita perhati. Jika keadaan memerlukan perubahan, maka kita akan timbang.

"Tidak ada jangka waktu dalam hal ini," katanya pada sidang akhbar selepas memberi amanat pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Keenam di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Ditanya mengenai keadaan tukaran asing sekarang sama ada berlaku perubahan ketidakseimbangan ringgit dengan mata wang asing lain, Abdullah berkata, kerajaan perlu melihat secara komprehensif.

Beliau berkata, sebarang tindakan yang akan dilakukan kerajaan untuk kebaikan negara.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad kelmarin, yang mencadangkan tambatan ringgit dikaji semula kerana dolar Amerika yang lemah menyebabkan ringgit susut nilai berbanding mata wang utama.

Bekas Perdana Menteri itu mengenakan kawalan modal secara berpilih-pilih dan tambatan ringgit berbanding dolar Amerika ketika kemuncak krisis kewangan Asia pada 1998.

Ringgit ditambah pada RM3.80 berbanding satu dolar Amerika sejak 1 September 1998.

Bagaimanapun, spekulasi mengenai kemungkinan kajian semula tambatan ringgit begitu kuat sejak akhir-akhir ini.

(END) Source : Berita Harian